

TOPIK 1

ADAB ZIARAH ORANG SAKIT

Dari Ibnu Abbas RA Nabi SAW masuk ke dalam rumah orang Arab Badwi untuk melihat dia yg sedang sakit. Kata Ibnu Abbas: Pernah Nabi SAW apabila dia masuk ke rumah orang yang sakit untuk melihatnya, baginda bersabda: Tidak mengapa! Sembuh, insya-Allah. Ucap nabi kepada orang sakit itu. Tidak mengapa, sembuh, insya-Allah! Jawabnya: Tuan katakan: Sembuh . Sebenarnya itu demam panas yang sedang meluap dan mengancam orang yang sangat tua dan akan membawa maut. Nabi SAW bersabda: Ya, benar katamu itu.

Huraian Hadith:

Menziarahi orang sakit adalah salah satu amalan baik yang digalakkan oleh Islam. Hal ini bukan sahaja akan mengeratkan hubungan persaudaraan ataupun ikatan kasih-sayang tetapi juga merupakan satu kaedah merawat penyakit secara psikologi kerana dengan kunjungan tersebut diharapkan akan mendatangkan perasaan gembira kepada pesakit dan memberi harapan kepadanya untuk segera sembuh dari sakitnya itu. Sebagaimana yang dilakukan oleh Rasulullah SAW, kita hendaklah berkata atau bersikap lemah lembut kepada pesakit dan mengucapkan perkataan yang baik kepadanya seperti mendoakan kesihatannya dan sebagainya. Jangan sekali-kali membicarakan sesuatu yang menambahkan kesedihannya apalagi memutuskan harapannya untuk sembuh.

Menziarahi orang sakit adalah sunat dan digalakkan oleh Islam. Perbuatan ini dapat mempererat lagi hubungan ukhuwwah sesama muslim dan silaturrahim sesama keluarga.



Amalan ziarah sesama Islam dituntut dilakukan pada bila-bila masa bukan hanya sekadar pada masa sakit sahaja. Amalan seumpama ini mendapat ganjaran yang besar, sebagaimana sabda Baginda Rasulullah saw dalam hadis-hadis di bawah ini:

Abu Hurairah ra meriwayatkan: “Aku mendengar Rasulullah saw bersabda: “Kewajiban seorang muslim terhadap seorang muslim yang lainnya lima perkara, iaitu: Menjawab salam, menziarahi orang sakit, mengiringi jenazah (ke tanah perkuburan), memenuhi jemputan dan mendoakan orang yang bersin.” [HR Bukhari & Muslim] Sabda Rasulullah SAW:

“Sesiapa yang menziarahi saudara se-Islamnya yang sakit, seolah-olah dia berada dalam ‘Kharfah’ sehinggalah dia pulang.” Baginda ditanya: “Wahai Rasulullah, apakah yang dimaksud dengan ‘Kharfah’ itu?” Rasulullah saw bersabda: “Iaitu kebun di syurga (yang penuh dengan buah-buahan yang boleh dipetik pada bila-bila masa)”. [HR Muslim] Daripada Ali ra, bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda: “Tiada seorang pun yang menziarahi saudara se-Islamnya yang sakit pada waktu pagi, melainkan 70,000 malaikat mendoakannya untuk mendapat rahmat sehingga ke petang. Sekiranya dia menziarahi saudaranya pada waktu petang, maka 70,000 malaikat mendoakannya untuk mendapat rahmat Allah sehingga ke pagi. Dia juga akan mendapat nikmat berupa buah-buahan syurga yang boleh dipetik pada bila-bila masa.” [HR At-Tirmizi: Hasan]

Adab Ziarah:

Antara adab-adab menziarahi pesakit ialah;

- a- Berniat menziarahi orang sakit sebagai mengikut sunnah Rasulullah saw.
- b- Memberi nasihat agar bersabar dan tabah menghadapi ujian.
- c- Bertanyakan tentang ibadatnya; solat dan lain-lain, sekiranya dia tidak mampu ajarlah mereka atau bertanyakan kepada orang yang pandai.
- d- Menyampaikan ucapan yang baik agar dapat menghiburkan hati pesakit dan menguatkan jiwanya.
- e- Pendek dan jarakkan waktu ziarah, jangan terlalu lama dan kerap menziarahinya. (kecuali pesakit itu mengkehendaki sebaliknya).
- f- Mendoakan pesakit agar lekas sembuh.

Hendaklah kita mendoakan dengan doa yang diajar oleh Rasulullah saw agar dia cepat sembuh dan bersabar dalam menghadapi kesakitan.

“Ya Allah! Hilangkanlah penyakitnya, wahai Tuhan bagi manusia, sembuhkanlah, Engkaulah yang menyembuhkan, tidak ada kesembuhan melainkan kesembuhan dari-Mu jua, sesuatu kesembuhan yang tidak meninggalkan sebarang penyakit”.
[HR Bukhari]

TOPIK 2

LANGKAH LANGKAH AWAL SEBELUM DAN SELEPAS BERLAKU KEMATIAN

LANGKAH LANGKAH SEBELUM KEMATIAN

- 1) Menghalakan katil ke arah kiblat jika mampu
- 2) Atau mengiringkan pesakit dgn bahu kanannya di bawah dan badan menghadap kiblat jika mampu
- 3) Mewudukkan pesakit yang sedang sakaratul maut atau koma
- 4) Menyapu air di muka pesakit yang sedang nazak



LANGKAH LANGKAH SELEPAS KEMATIAN

- 1) Mengikat yakni merapatkan dagu si mati dengan diikatkan di bahagian atas kepala
- 2) Menutup mata si mati (Harus menggunakan masking tape jika sukar terpejam)
- 3) Meletakkan posisi tangan seperti kedudukan solat
- 4) Merapatkan kaki dengan mengikatnya menggunakan kain seperti sapu tangan
- 5) Menutup aurat si mati keseluruhannya hingga kepala
- 6) Melaporkan ke pihak hospital jika kematian berlaku di rumah untuk tindakan pemeriksaan dan pengesahan masa kematian oleh pihak hospital.

TOPIK 6

SOLAT JENAZAH

Persediaan solat jenazah:

- Mayat mestilah diletakkan melintang ke arah kiblat.
- Mayat lelaki kepalanya sebelah kiri imam dan imam berdiri di sebelah kepada atau dada mayat.
- Mayat perempuan kepalanya sebelah kanan imam dan imam berdiri di pinggangnya.
- Bagi solat ghaib, imam dan makmum mengadap qiblat tanda ada jenazah di depan.

Disarankan saf untuk solat jenazah dijadikan sebanyak 3 baris dan makmum yang menyolatkan mayat dituntut melebihi 40 orang. Dalam solat jenazah, tiada rukuk dan sujud, jadi makmum harus berdiri rapat antara satu sama lain dengan makmum yang di hadapan.



Cara solat jenazah:

1. Berdiri dengan betul dan melafazkan niat solat jenazah seperti berikut. Lafaz niat tidak wajib, yang wajib ialah niat di dalam takbiratul ihram.

Lafaz niat solat jenazah mayat perempuan.

أُصَلِّي عَلَى هَذِهِ الْمَيِّتَةِ أَرْبَعَ تَكْبِيرَاتٍ فَرَضَ كِفَايَةَ اللَّهِ
تَعَالَى

"Sahaja aku solat keatas ini mayat perempuan empat takbir fardhu kifayah kerana Allah taala".

Lafaz niat solat jenazah mayat lelaki.

أُصَلِّي عَلَى هَذَا الْمَيِّتِ أَرْبَعَ تَكْبِيرَاتٍ فَرَضَ كِفَايَةَ اللَّهِ
تَعَالَى

"Sahaja aku solat keatas ini mayat lelaki empat takbir fardhu kifayah kerana Allah taala".

Lafaz niat solat jenazah mayat kanak-kanak Lelaki.

أُصَلِّي عَلَى هَذَا الْمَيِّتِ الطِّفْلِ أَرْبَعَ تَكْبِيرَاتٍ فَرَضَ
كِفَايَةَ اللَّهِ تَعَالَى

"Sahaja aku sembahyang atas mayat kanak-kanak lelaki empat takbir fardhu kifayah kerana Allah Taala".

Lafaz niat solat jenazah mayat kanak-kanak perempuan.

أُصَلِّي عَلَى هَذِهِ الْمَيِّتَةِ الطِّفْلَةِ أَرْبَعَ تَكْبِيرَاتٍ فَرَضَ
كِفَايَةَ اللَّهِ تَعَالَى

"Sahaja aku sembahyang atas mayat kanak-kanak perempuan empat takbir fardhu kifayah kerana Allah Taala".

Selepas Takbiratul Ihram maka bacalah Surah Al Fatihah dan takbir kedua pula lalu membaca salawat seperti dalam bacaan tahiyat akhir.

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى
إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ
مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي
الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

“Ya Allah berilah rahmat kepada junjungan Nabi Muhammad saw, dan berilah kesejahteraan kepada junjungan kami Nabi Muhammad saw sebagaimana Engkau memberikan kepada Nabi Ibrahim dan keluarganya. Berkatilah Nabi Muhammad saw dan keluarganya sebagaimana Engkau telah memberikan keberkatan kepada Nabi Ibrahim dan keluarganya. Sesungguhnya atas alam-alam ini, Engkaulah zat yang terpuji dan Maha mulia.”

Selepas bacaan salawat maka takbir ketiga dan meneruskan pula dengan bacaan doa seperti di bawah:-

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لَهُ وَارْحَمْهُ وَعَافِهِ وَاعْفُ عَنْهُ وَأَكْرِمْ نُزُلَهُ
وَوَسِّعْ مَدْخَلَهُ وَأَغْسِلْهُ بِالْمَاءِ وَالْثَلْجِ وَالْبَرْدِ، وَنَقِّهِ مِنَ
الْخَطَايَا كَمَا نَقَّيْتَ الثَّوْبَ الْأَبْيَضَ مِنَ الدَّنَسِ، وَأَبْدَلْهُ
دَارًا خَيْرًا مِنْ دَارِهِ، وَأَهْلًا خَيْرًا مِنْ أَهْلِهِ وَزَوْجًا
خَيْرًا مِنْ زَوْجِهِ، وَأَدْخِلْهُ الْجَنَّةَ، وَأَعِذْهُ مِنْ عَذَابِ
الْقَبْرِ وَمِنْ عَذَابِ النَّارِ

“Ya Allah, ampunilah baginya dan kasihilah dia dan afiatkan dia dan maafkanlah kesalahannya dan muliakan kedudukannya dan lapangkan kuburnya dan bersihkan dia dengan air salju dan air dingin. Bersihkanlah dia dari kesalahannya sebagaimana dibersihkan kain putih dari kekotoran, dan gantikanlah kampungnya dengan kampung yang lebih baik dan ahli keluarganya yang baik, suami isteri yang lebih baik. Masukkanlah dia ke dalam syurga dan lindungilah dia dari seksa kubur dan fitnahnya dan dari seksa neraka.”

Dan selepas doa ini maka teruskan dengan takbir keempat yakni takbir terakhir dan sunat pula dgn bacaan doa kedua.

اللَّهُمَّ لَا تَحْرِمْنَا أَجْرَهُ وَلَا تَفْتِنَّا بَعْدَهُ وَاعْفِرْ لَنَا وَلَهُ وَلَاخَوَانِنَا الَّذِينَ
سَبَقُونَا بِالْإِيمَانِ وَلَا تَجْعَلْ فِي قُلُوبِنَا غِلًّا لِلَّذِينَ آمَنُوا رَبَّنَا إِنَّكَ رَؤُوفٌ
رَحِيمٌ

“Ya Allah, janganlah Engkau haramkan permohonan kami untuk kebajikannya dan janganlah Engkau membiarkan kami di timpa fitnah setelah ketiadaannya dan ampunkanlah kami dan dia juga rakan kami yang terdahulu beriman dan janganlah Engkau sematkan perasaan hasad dengki kedalam hati kami terhadap orang-orang yang beriman. Tuhan kami, sesungguhnya Engkau bersifat pengasih dan penyanyang.”

Seterusnya memberi salam ke kanan dan ke kiri.

Selesai beri salam, bolehlah membaca surah Al-Ikhlâs (3 kali), surah Al-Falaq (1 kali), surah An-Nas (1 kali), surah Al-Fatihah (1 kali), surah Al-Baqarah ayat 1-5 (1 kali), ayat Qursi (1 kali) dan baca doa yang sesuai.

TOPIK 7


PENGKEBUMIAN JENAZAH

Setelah selesai disolatkan, jenazah diangkat hingga ke muka pintu dan dikeluarkan dengan perlahan-lahan dibawa ke tanah pengkuburan. Dihantar ke pusara dengan cara dipikul atau diusung melalui empat penjuru dengan mendahulukan kepalanya.

Lubang kubur memadai mengikut ukuran jenazah dan dalamnya lebih kurang 6 kaki atau sekurang-kurangnya dalam kubur itu dapat melindunginya daripada binatang buas dan baunya tidak terhidu oleh manusia. Kebiasaan sedalam orang biasa berdiri atau paling kurang semeter dalam.

Setiap kubur lazimnya mempunyai liang lahad, iaitu lubang kecil sekadar dapat memuatkan jenazah, di tengah dan di dasar kubur jika tanahnya lembut (Lihat Rajah A); atau di tepi dan di dasar kubur jika tanahnya keras (Lihat Rajah B). Diratakan lantainya, ditinggikan bahagian kepala dan dibuatkan bantal tanah.

Liang lahad bagi tanah lembut (Rajah A)



Cara meletakkan jenazah ke dalam liang lahad :

1. Dimasukkan ke dalam lubang dengan mendahulukan kakinya dan sunat membaca:

وَعَلَىٰ مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِسْمِ اللَّهِ

2. Dibaringkan (disengetkan) rusuk kirinya ke atas dan rusuk kanannya ke bawah.

3. Wajib dihadapkan mukanya ke arah kiblat.

4. Setelah jenazah diletakkan dengan betul, liang lahad hendaklah ditutup dengan papan seperti papan keranda.

5. Ditimbus dengan tanah dan sunat ditinggikan sejengkal dari paras tanah.

6. Ditanam/ dipacakkan batu nisan di bahagian kepala.

7. Setelah selesai, sunat di talqinkan bagi jenazah yang sudah baligh.



TOPIK 8

MAKSUD BACAAN TALQIN

Mahasuci Tuhan yang Engkau bersifat dengan Baqa' dan Qidam, Tuhan yang berkuasa mematikan sekalian yang bernyawa, Mahasuci Tuhan yang menjadikan mati dan hidup untuk menguji siapa yang baik dan siapa yang kecewa. Mahasuci Tuhan yang menjadikan lubang kubur sebesar-besar pengajaran untuk menjadi iktibar kepada orang yang lalai, dan sebesar-besar amaran kepada orang yang masih hidup.

Ingatlah! Bahawa sekalian mahluk Allah akan jahanam dan binasa, melainkan zat Allah Taala. lalah Tuhan yang Mahabesar kuasa menghukum, manakala kita sekalian akan kembali menghadap hadirat Allah Taala.

WahaiBin, wahaiBin,wahai Bin, hendaklah kamu ingat akan janji-janji Allah yang mana kamu ada bawa bersama-sama dari dunia ini.

Sekarang kamu telah menuju masuk ke negeri Akhirat.Kamu telah mengaku bahawa tiada Tuhan yang disembah dengan sebenar-benarnya melainkan Allah, dan bahawa senya Nabi Muhammad itu Pesuruh Allah.

Ingatlah wahaiBin, apabila datang kepada kamu 2 orang malaikat yang serupa dengan kamu iaitu Mungkar dan Nakir, maka janganlah berasa gentar dan takut, janganlah kamu berdukacita dan risau serta janganlah kamu susah-hati dan terkejut.

Ketahuiilah, bahawasanya Mungkar dan Nakir itu hamba Allah Taala, sebagaimana kamu juga hamba Allah Taala. Apabila mereka menyuruh kamu duduk, mereka juga akan menyoal kamu. Mereka berkata:

Siapakah Tuhan kamu?

Siapakah Nabi kamu?

Apakah agama kamu?

Apakah kiblat kamu?

Siapakah saudara kamu?

Apakah pegangan iktikad kamu?

Dan apakah kalimah yang kamu bawa bersama-sama kamu?

Di masa itu hendaklah kamu menjawab soalan-soalan mereka dengan cermat dan sehabis-habis terang, tepat dan betul. Janganlah berasa gementar, janganlah cuak dan janganlah bergopoh-gapah, biarlah tenang dan berhati-hati.

Hendaklah kamu jawab begini:

Allah Taala Tuhanku,

Muhammad nabiku,

Islam agamaku,

kitab suci Al-Quran ikutanku,

Baitullah itu qiblatku,

malahan solat lima waktu, puasa di bulan Ramadhan, mengeluarkan zakat dan mengerjakan haji diwajibkan ke atas aku.

Semua orang Islam dan orang yang beriman adalah saudara aku,

Bahkan dari masa hidup hingga aku mati aku mengucap: "La ila ha illallah Muhammaddur rasulullah".

WahaiBin tetapkanlah hatimu, inilah dia suatu dugaan yang paling besar. Ingatlah bahawa kamu sekarang sedang tinggal didalam alam Barzakh, sehingga sampai satu masa kelak, kamu akan dibangunkan semua untuk berkumpul di Padang Mahsyar.

Insafilah bahawasanya mati ini adalah benar, soalan malaikat Mungkar dan Nakir di dalam kubur ini adalah benar, bangun dari kubur kemudian kita dihidupkan semula adalah benar, berkumpul dan berhimpun di Padang Mahsyar adalah benar, dihisab dan dikira segala amalan kamu adalah benar, minum di kolam air nabi adalah benar, ada syurga dan neraka adalah benar.

Bahawasanya hari Kiamat tetap akan adanya, begitu juga Tuhan yang maha berkuasa akan membangkitkan semula orang-orang yang di dalam kubur.

Di akhirnya kami ucapkan selamat berpisah dan selamat tinggal kamu disisi Allah Taala.

Semoga Tuhan akan memberi sejahtera kepada kamu. Tuhan jua yang menetapkan hati kamu. Kami sekalian berdoa mudah mudahan Allah Taala menjinakkan hati kamu yang liar, dan Allah menaruh belas kasihan kepada kamu yang berdagang seorang diri di dalam kubur ini. Mudah-mudahan Tuhan akan memberi keampunan dan memaafkan kesalahan kamu serta menerima segala amal kebajikan kamu.

Ya Allah Ya Tuhan, kami merayu dan bermohon kepada Mu supaya tidak disiksa mayat ini dengan kemegahan penghulu kami Muhammad SAW.

Subhana rabbika rabbil izati amma ya sifun wassallamu alalmursalinwalham dulillahi rabbil alamin.



Ayuh kita sedeqahkan al Fatihah buat arwah2 beragama Islam dalam tragedi MH 17.